

03 MAY 2002

Mahathir-MCA/I

RANCANGAN KEAMANAN MCA BERJALAN LANCAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Rancangan keamanan MCA untuk mengatasi masalah perpecahan dalam parti itu berjalan lancar dan ia dapat diatasi dengan pelahan-lahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Semuanya akan mengambil masa untuk selesai, dan tidak boleh diubah semalaman," kata Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) di persidangan media selepas melancarkan seminar mengenai "Menguruskan Cabaran K-Ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Budaya ICT" yang dianjurkan oleh pemuda Umno, di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan masa kini dalam MCA selepas agenda keamanan dan kestabilan yang dicadangkan oleh beliau bagi parti itu diterima oleh Team A dan B untuk menyelesaikan perbezaan pendapat antara mereka.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh beberapa anggota MCA akan rancangan keamanan yang diusahakan oleh Umno, Dr Mahathir berkata dalam mana-mana kumpulan pun akan ada orang yang tidak bersetuju, tetapi apa yang penting ialah majoriti bersetuju dengan rancangan itu.

Beliau berkata mereka boleh berkata apa pun mengenai beliau tetapi yang penting ialah usaha beliau, demi kebaikan parti itu.

Dr Mahathir berkata: "Nak kata apa kat saya, kata lah. Saya berusaha untuk kebaikan. Kalau nak terima, terimalah. Tak terima pun tak apa. Saya bukan ada kuasa apa pun."

Umno sebagai rakan kepada MCA sekian lama tidak ingin lihat MCA terus dilanda masalah dan Umno tidak buat apa-apa pun, katanya.

Beliau berkata: "Kalau boleh kita (Umno) tolong, kita tolong. Jika semua kata jangan tolong, kita tak tolong. Kalau tak boleh campur tangan, tak apalah."

-- BERNAMA

HK MFJ PR RON